



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA
Secretary General
Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs
Aras 11 (Menara), No. 13
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 603 8882 5555/5553
Faks: 603 8882 5566
Laman Web: www.kpdnhep.gov.my
E-mel: ksu@kpdnhep.gov.my

Ruj. Kami : KPDNKK.600-5/46/1()
Tarikh : 23 April 2021

SEMUA TIMBALAN PENGAWAL BEKALAN

YBhg Dato' / Tuan / Puan,

ARAHAN PENGAWAL BEKALAN BIL.1/2021

PENETAPAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13(1) AKTA KAWALAN BEKALAN (AKB) 1961

Dengan hormat saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti YBhg Dato' / Tuan / Puan sedia maklum, kuasa bagi meluluskan Lesen Barang-Barang Kawalan Berjadual (Lesen CSA) kategori mengilang bagi produk gula, minyak masak dan tepung gandum telah diturunkan kepada tuan/puan melalui surat bil. KPDN(DN)(S)2/2/1/1.Jld.2 bertarikh 30 Ogos 2006. Melalui penurunan kuasa tersebut, urusan pertimbangan dan kelulusan Lesen CSA pengilang boleh dilaksanakan di peringkat negeri. Namun demikian, didapati wujud kelemahan-kelemahan yang telah menyebabkan syarikat-syarikat yang tidak memenuhi kriteria sebagai pengilang telah diluluskan lesen untuk mengilang.



3. Sehubungan dengan itu, saya sebagai Pengawal Bekalan menarik semula kuasa melulus bagi permohonan baharu dan memperbaharui Lesen CSA kategori mengilang bagi produk gula, minyak masak dan tepung gandum selari dengan Seksyen 13(1) AKB 1961. Sebarang urusan permohonan bagi produk di atas masih boleh diproses di peringkat negeri tetapi perlu diluluskan di peringkat ibu pejabat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

4. Bersama-sama ini disertakan Jadual Penetapan Penurunan Kuasa Pengawal Bekalan Berdasarkan Seksyen 13(1), AKB 1961 yang telah dikemas kini seperti di **Lampiran 1. Arahan ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2021.**

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD)